

Bismillahir Rahmanir Rahim

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia, Datuk Mohammad Hanafiah bin Mohammad Kassim

Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah

Yang Berusaha, Puan Ernywati Dewi Abas

Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

Merangkap Ketua Pegawai Keselamatan ICT Negeri Sabah

Selaku Penasihat Jawatankuasa Penganjur

BIMP-EAGA Cyber Security Summit 2023

Pemimpin-Pemimpin Digital Kerajaan Negeri Sabah, para penaja, penceramah, panelis, pempamer, penganjur hackathon, rakan-rakan dari rantau BIMP-EAGA, rakan-rakan media, serta hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, dan Salam Sabah Maju Jaya.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada pagi ini kita dapat bersama-sama dalam **BIMP-EAGA Cyber Security Summit 2023**, yang bertemakan “**AI in Cyber Security: Harnessing the Power, Navigating the Risks**”. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKN) dan Sabah Net Sendirian Berhad di atas kerjasama rapat dan usaha padu mereka sehinggalah berjaya menganjurkan persidangan ini.
2. Persidangan tahun ini telah diluaskan skala dan skopnya berbanding tahun-tahun yang lalu, di mana ia diadakan selama 2 hari berbanding 1

hari pada sebelumnya; bilangan peserta digandakan, dan penglibatan peserta daripada rantau BIMP-EAGA juga telah dialu-alukan.

Persidangan ini diharapkan akan terus berkembang ke tahap yang lebih tinggi lagi di masa-masa akan datang, sekaligus menyumbang kepada hasrat mempromosikan Sabah sebagai destinasi pilihan mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE).

3. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih, kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya, untuk menyampaikan ucap tama dan seterusnya merasmikan persidangan pada hari ini. Saya juga dengan sukacita mengalu-alukan penyertaan semua Pemimpin Digital Kerajaan Negeri Sabah, penaja, penceramah, panelis, pempamer, penganjur *hackathon*, rakan-rakan dari rantau BIMP-EAGA, dan hadirin sekalian. Persidangan dua hari ini pasti akan membuka peluang kepada kita semua untuk menjalin rangkaian antara sesama dan juga dengan pakar-pakar keselamatan siber yang kebanyakannya datang daripada luar negeri Sabah.
4. Saya amat yakin bahawa dengan penyertaan aktif tuan-tuan dan puan-puan dalam persidangan ini, akan dapat menimba ilmu dan menjana banyak inovasi baharu, bagi memperkasakan peranan para Ketua Pegawai Digital (CDO) dan Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) dalam mempertingkatkan keselamatan siber, di semua agensi Kerajaan Negeri. Mengetahui perkembangan terkini berkenaan konsep dan teknologi keselamatan siber akan dapat mempertingkatkan keselamatan kaedah penyampaian perkhidmatan kita kepada seluruh lapisan masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sempena majlis perasmian Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sabah pada 28 Oktober yang lalu telah menyatakan bahawa dalam 3 tahun kebelakangan, kerugian akibat penipuan dalam talian di Sabah telah melebihi 100 juta ringgit, melalui 4,687 kes, dan dalam tahun ini, setakat bulan September, ini telah mencatat jumlah kerugian tertinggi dalam sejarah, iaitu 28 juta ringgit, melalui 1,243 kes. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa aspek keselamatan siber perlu diberi perhatian serius, dan seterusnya diambil tindakan yang sewajarnya oleh seluruh lapisan masyarakat, termasuk penjawat awam yang merupakan pelaksana aspirasi pemimpin tertinggi negeri.
6. Walaupun amaun kerugian di Sabah masih kecil berbanding jumlah di seluruh negara, kita perlu mengambil tindakan awal dan proaktif agar dapat meminimalkan risiko dan mengawal sebarang insiden keselamatan siber daripada merebak dan membesar sehingga sukar dikawal.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Cabaran dan risiko kecerdasan buatan (atau *Artificial Intelligence* [A-I]) terhadap keselamatan siber telah meningkat mendadak. Tarikh 30 November 2022 telah terpahat dalam sejarah sebagai hari *chatbot* AI atau *generative AI* yang bernama ChatGPT dilancarkan. Ia dianggap *game changer* dalam bidang AI, disebabkan kemampuannya menghasilkan teks berkualiti tinggi yang bersesuaian dengan konteks,

menjadikannya amat serba guna dan mampu menangani pelbagai tugas pemahaman dan penjana bahasa semulajadi.

8. Di sebaliknya, kemampuan yang sama boleh disalah guna untuk mempengaruhi pengguna, menyebarkan maklumat palsu, merancang dan mencipta kod sumber hasad, melancarkan serangan siber, atau melakukan aktiviti lain yang berbahaya dalam konteks keselamatan siber. Malah, telah wujud *generative AI* lain yang hampir serupa dengan ChatGPT, namun dicipta oleh penjenayah siber seperti FraudGPT dan WormGPT, yang didakwa boleh digunakan untuk membina perisian hasad, mengenalpasti kelemahan sistem aplikasi, menentukan sasaran dan menulis emel palsu.
9. Pada 1 November lalu, 28 buah negara, termasuk Amerika Syarikat, China, India, United Kingdom, Jepun, dan Kesatuan Eropah telah menandatangani Deklarasi Bletchley, pengisytiharan antarabangsa pertama berkenaan AI, di mana mereka menyatakan persetujuan pendirian bahawa AI berpotensi memberikan risiko malapetaka terhadap manusia sejagat.
10. Berdasarkan latar belakang inilah, persidangan ini telah dianjurkan dengan tema yang dipilih, yang menggesa kita semua agar mempersiapkan diri, organisasi, dan sekeliling kita, dalam menghadapi isu-isu yang amat mencabar ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk memperkasakan aspek keselamatan siber bagi menyokong penyampaian perkhidmatannya, melalui penubuhan bahagian khusus untuk menguruskan ekosistem keselamatan siber di JPKN pada tahun 2010, yang disokong oleh kerjasama padu Sabah Net, syarikat ICT milik kerajaan negeri.
12. Kerajaan negeri telah memberikan tumpuan khusus terhadap isu penipuan dalam talian bermula pada tahun 2022, melalui siri Program Kesedaran Jenayah Siber Dalam Kalangan Penjawat Awam. Setakat ini 6 program telah dilaksanakan di sekitar Keningau, Sandakan, Tawau, dan Kota Kinabalu, yang telah mencapai sekitar 700 penjawat awam. Perancangan juga sedang dibuat untuk melebarkan skop perkara ini ke peringkat orang awam melalui usaha sama dengan para rakan strategik.
13. Secara keseluruhannya, dalam tahun ini kerajaan negeri telah melaksanakan 14 program latihan atau kesedaran berkenaan keselamatan siber, termasuklah persidangan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Kerajaan Persekutuan juga memberi perhatian yang lebih tinggi terhadap isu-isu keselamatan siber, melalui komitmen kewangan dalam aspek keselamatan siber negara, di mana dalam Ucapan Belanjawan 2024 Persekutuan pada 13 Oktober lalu, Menteri Kewangan Persekutuan telah mengumumkan, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Mempercepat pelaksanaan Identiti Digital Nasional (IDN) bagi membendung risiko jenayah scam.
- Menambah peruntukan untuk Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dalam membanteras jenayah scam.
- Meneliti keperluan meminda undang-undang yang berkenaan bagi mempercepat proses pemulangan wang kepada mangsa scam.
- Membangunkan Rangka Kerja Pengujian Keselamatan Siber 5G serta Kepakaran Tempatan Terhadap Teknologi 5G bagi meningkatkan kesiapsiagaan terhadap ancaman serangan siber.

15. Pada bulan Jun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan usaha yang sedang dijalankan dalam penggubalan rang undang-undang khas berkenaan keselamatan siber.

16. Manakala, Menteri Komunikasi dan Digital juga telah dipetik menyatakan beberapa perancangan yang berkenaan dengan pengukuhan keselamatan siber negara, iaitu:

- Pada bulan Januari, perihal penubuhan Suruhanjaya Keselamatan Siber Malaysia.
- Pada bulan Ogos, perihal penelitian keperluan mewujudkan kerangka kawal selia teknologi kecerdasan buatan (AI).

Pelbagai usaha Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan yang saya telah nyatakan tadi jelas menunjukkan komitmen keseluruhan jentera kerajaan dalam menangani semua keperluan berkenaan keselamatan siber dalam negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Penjawat awam perlu terus memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan sistem penyampaian kerajaan digital yang menyeluruh dan selamat. Justeru, semua penjawat awam wajar proaktif dan pantas dalam mempelajari ilmu dan kemahiran digital. Marilah berganding bahu dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam penglibatan dan kerjasama berterusan melaksanakan perkara ini, sesuai dengan peranan agensi-agensi di bawahnya iaitu JPKN dan SabahNet sebagai pelaksana ekosistem siber yang selamat.
18. Saya juga ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan tentang keperluan untuk sentiasa mengemaskini senarai Pegawai Keselamatan ICT, atau ICTSO, di organisasi masing-masing, dan seterusnya memaklumkan kepada pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan JPKN seperti mana yang diperlukan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara. Perkara ini penting kerana akan memudahkan komunikasi organisasi dengan pihak NACSA mengenai isu-isu terkini keselamatan siber.
19. Akhir kata, saya menjemput kita semua agar menggembelng tenaga untuk memupuk komuniti siber yang mesra di rantau ini dengan menjadi pembangun dan pengguna semua kemudahan dalam talian yang lebih bertanggungjawab, beretika, positif, dan seterusnya cemerlang.

Dengan lafaz *Bismillah Irahman Irrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan “**BIMP-EAGA Cyber Security Summit 2023**”.

Wabillahit Taufiq Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, dan Terima Kasih.